

Kerajaan akan terus sokong industri seni

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan terus menyokong pembangunan industri seni kreatif yang berpotensi menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kemampuan industri itu untuk meningkatkan pendapatan negara dibuktikan Perancis yang berjaya dalam pelancongan berasaskan seni dan budaya.

"(Perancis) mendapat AS\$256 bilion (RM937 bilion) setahun melalui pelancongan.

"Kita perlu belajar daripada Perancis dan bandar serta negara lain di dunia mengenai cara mereka membangunkan strategi untuk mempromosikan pelancongan dan industri seni dengan jayanya sebagai penyumbang utama ekonomi negara," katanya dalam ucapan

an pembukaan Persidangan Ekonomi Seni (AEC) 2015, di sini, semalam.

Menurutnya, di Malaysia, industri kreatif menyumbang RM33 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Beliau yang juga Menteri

Pendidikan berkata, dalam sektor pendidikan, terdapat banyak institusi pengajian tinggi di Malaysia yang menawarkan kursus seni dan reka cipta, yang boleh melahirkan profesional berkualiti tinggi.

Muhyiddin turut melancarkan buku *Rekayasa Kebudayaan* pada AEC 2015, semalam.



FOTO: BERNAMA

Sinar Harian 25 Mac